# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1984**

**DR.42/1984**

D. R. No: 42 84

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1984. **Tajuk ringkas.**

**2.** Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah adalah dipinda— **Pindaan seksyen 4.** ***Sabah Bab 2.***

(*a*) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "Bachelor of Laws" yang terdapat dalam perenggan (*cc*) subseksyen (1) perkataan-perkataan "or to whom the Qualifying Board established under the Legal Profession Act 1976 has awarded a Certificate in Legal Practice"; dan

(*b*) dengan memotong perkataan-perkataan "or Brunei" yang terdapat dalam subperenggan (ii) perenggan (*c*) subseksyen (2) dan yang terdapat dua kali dalam subseksyen (3).

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membolehkan seseorang yang telah menamatkan dengan memuaskan hati kursus yang dikelolakan oleh Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 yang bertujuan mendapatkan Sijil Amalan Undang-Undang supaya diterima sebagai peguambela di Sabah dengan syarat bahawa dia mempunyai kaitan dengan Negeri Sabah dan telah menjadi Majistret Kelas

Satu di Sabah bagi tempoh selama dua belas bulan atau telah menjadi pelatih, atau telah menjalani latihan guaman di kamar, Peguam Besar Negeri, atau seorang peguambela yang telah menjalankan amalan secara sah di beberapa bahagian dalam Malaysia bagi tempoh tidak kurang dari lima tahun sebelum sahaja orang itu menjadi pelatihnya atau mula menjalankan latihan di kamarnya, bagi tempoh selama dua belas bulan. Pindaan memotong perkataan-perkataan "or Brunei" adalah berbangkit dari penghapusan Mahkamah Agung bagi Brunei, Borneo Utara dan Sarawak.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. ($U^2$) 1297.]